

~~308 - 74/79~~

ASSALAMU 'ALAIKUM WAHAJATULLAH,

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, PADA HARI
KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD S.A.W.
DI STADIUM MERDEKA, PADA HARI
SABTU 13HB MAC, 1976, JAM

7.30 PAGI

ASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAH.

SEGALA PUJI-PUJIAN TERTENTU BAGI

ALLAH, SELAMAT DAN SALAM KE ATAS

JUNJUNGAN NABI BESAR MUHAMMAD

S.A.W., JUGA KEPADA KELUARGANYA

DAN PARA SAHABATNYA.

Pada hari yang mulia ini kita sekalian berhimpun di sini dengan tujuan yang mulia iaitu untuk merayakan Ulang tahun Hari Keputeraan Nabi kita Muhammad S.A.W., kerana dengan seruan dan pimpinannya, kita semua telah mendapat petunjuk dan hidayah Allah. Selain dari itu, Rasulullah itu bukan sahaja sebagai Rasul dan Pesuruh Allah, bahkan Baginda juga seorang pemimpin Agung yang telah berjasa kepada umat manusia dan alam semesta.

2. Baginda berjuang dengan jujur, ikhlas dan bijaksana, semata-mata untuk kebahagiaan manusia seluruhnya. Sejarah hidup Baginda penuh dengan perjuangan dan pengorbanan untuk menegakkan keamanan dan keselamatan dunia. Baginda adalah sebaik-baik contoh dan panduan kepada kita umatnya, baik dari segi sifat-sifatnya, gerak-gerinya, tutur bahasanya, adab perangnya, pergaulannya dan perhubungannya, sesama manusia.

... Dan kita tidak rela jika melihat pahlawan yang secara tidak langsung dengan sikap dan perbuatannya membantu tujuan manusia.

3. Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Perayaan Maulud tahun ini yang telah, dengan bijaksananya, memilih tema perayaan "ISLAM MENJAMIN KESELAMATAN". Tema ini amatlah sesuai sekali dan kena pada masanya yang negara kita ini sedang berjuang berhabis-habisan melawan komunis dan anasir-anasir subversif. Kita tidak rela sama sekali negara kita yang kita kasihi ini dikuasai dan ditakloki oleh komunis. Dan kita tidak rela juga melihat gulongan yang secara tidak langsung dengan sikap dan perbuatan membantu tujuan komunis.

4. Fahaman komunis bertentangan sama sekali dengan ajaran ugama Islam, kerana komunis tidak percaya adanya Tuhan. Dalam sistem komunis, tidak ada hak kebebasan sama sekali, dan jika komunis dapat menguasai negara ini akan musnahlah segala yang kita bina selama ini dan akan hancurlah demokrasi yang kita sanjung tinggi. Islam, sebagaimana saudara-saudara semua maklum, memimpin dan menggalakkan kita hidup berbaik-baik sangka antara satu sama lain, tolong menolong di dalam perkara kebajikan dan bekerjasama di dalam menghapuskan kezaliman dan keburokan.

Komunis telah membuat kacau di dalam negara ini dengan berbagai-bagai kerosakan yang mengorbankan banyak nyawa yang tidak berdosa, memusnahkan harta benda dan membuat berbagai angkara dengan menakutkan orang ramai pula. Ini, semuanya wajib ditentang oleh setiap kita dengan segenap tenaga dan daya kita.

5. Islam, di samping menyeru untuk menegak keamanan dan keselamatan, tidak lupa mengingatkan kita supaya sentiasa bersedia pula bagi memerangi sesiapa sahaja yang cuba hendak menghancurkan keamanan itu. Islam mengizinkan kita melawan dan memerangi orang yang memusuhi kita dan cuba menghancurkan kita iaitu komunis dan golongan yang bersimpati dengannya. Kita mesti hancurkan mereka sebelum mereka menghancurkan kita. Kita mesti hapuskan mereka sebelum mereka menguasai dan menakluki kita. Firman Allah yang bermaksud: Diizinkan bagi mereka yang teraniaya memerangi musuh-musuhnya dan sesungguhnya Allah bersedia menolong di pihak yang benar. Sabda Rasulullah

yang bermaksud: "Kasihkan tanah air itu sebahagian dari Iman". Dan setiap umat Islam mestilah memperteguh iman dan prinsip kita.

6. Bersempena dengan hari yang penuh berkat ini, saya merayu, dari hati ke hati kepada semua pihak dan golongan rakyat negara ini yang Islam dan bukan Islam dengan tidak mengira apa keturunan mereka, supaya bersatu dan seia sekata dengan Kerajaan untuk melawan komunis dan sekutunya, dengan cara apa sahaja yang mampu kepada mereka, dengan menyampaikan maklumat, menolak untuk bekerjasama dengan pengganas-pengganas itu, di samping menolong Kerajaan membangun negara ini dengan penuh semangat dan kejujuran.

7, Saya yakin dan percaya kerjasama di antara rakyat dengan Kerajaan seperti yang sudah-sudah itu sahajalah yang boleh menjadi benteng yang kokoh lagi kebal untuk menahan segala ancaman, baik dari luar, mahupun dari dalam. Selain dari itu, kita yakin dan percaya kita dapat menghapuskan komunis itu, dengan izin Allah, kerana kita dipihak yang benar dan mereka di pihak yang salah. Allah tidak akan menolong orang yang berniat jahat. Sebaliknya, Allah sentiasa di samping orang yang baik lagi jujur.

8. Jadikanlah perhimpunan kita hari ini, di saat yang mulia dan bersejarah untuk membaharui tikad sesuai dengan kehendak agama dan keredzaan Tuhan. Tema "ISLAM MENJAMIN KESELAMATAN" patut menjadi ingatan kepada kita.

9. Marilah kita bersama memohon hidayat dan petunjuk dari Allah Yang Maha Esa semoga dilindunginya kita dan negara kita yang dikasihi ini dari segala bahaya dan bencana. KepadaNya jualah kita pohon diberi kita segala kekuatan dan semangat di dalam menghadapi pancaroba musuh-musuh itu.

Terimakasih.

WASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

—00000—

Bertitik-titik kita berurusan dengan
 pelayan dan petinggi dari Aliran yang mana
 itu sangat dihidanginya kita dan negara
 kita yang dikasih itu dari segala-biaya
 dan bawanya. Tetapi yang kita paku
 dibayar kita segala-biaya dan bawanya
 di dalam menghadapi pemerintah pusat-meski

itu

Terimakasih



No. Siri	170
No. Penerimaan	26/79